



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Operasi sepadu JPES and Unit SDT dapat 5 kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan tiada kesalahan di bawah Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151**

Tarikh: 20 Mac 2024

1. Lima (5) buah premis perniagaan didapati melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142 semasa pemeriksaan bersepadu bulanan yang telah dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi di Daerah Tutong baru-baru ini.
2. Pemeriksaan bersepadu bulanan di antara JPES dan Unit SDT adalah aktiviti penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dalam memastikan kepatuhan terhadap perundangan-perundangan berkenaan. Skop penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 termasuk memastikan peniaga tidak menjual barang yang dikawal harga melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan tanda harga dipamerkan dengan jelas dan betul. Manakala penguatkuasaan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 pula, adalah memastikan alat sukat dan timbang yang digunakan dalam aktiviti perniagaan hendaklah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan perundangan berkenaan.
3. Hasil daripada pemeriksaan bersepadu tersebut, JPES telah mengeluarkan tiga (3) Notis Amaran bagi kesalahan menjual minyak masak melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan tidak memamerkan tanda harga bagi barang yang dijual. Dua (2) buah premis perniagaan turut dikenakan kompaun masing-masing berjumlah \$500.00 kerana ketidakpatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142, seperti berikut:

| Bil. | Nama Syarikat                         | Kesalahan   |
|------|---------------------------------------|---|
| 1    | Syarikat Usaha Tasbih Mini Mart       | Bab 3B: Melebihi harga maksimum yang ditetapkan (minyak masak)              |
| 2    | Syarikat Osman bin Haji Momin Sdn Bhd | Bab 5: Tidak mempamerkan harga bagi barang yang dijual di premis perniagaan |

4. Sementara itu, para penguatkuasa Unit SDT telah mendapati sebanyak dua puluh (20) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Kesemua alat-alat berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994 Ceraian 3 (1) dan (2).
5. Para peniaga diingatkan mengenai peranan masing-masing dalam menegakkan persekitaran perniagaan yang kondusif dengan menjalankan perniagaan secara beretika bagi meningkatkan keyakinan pengguna, dengan mematuhi perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151.
6. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi saluran-saluran rasmi seperti berikut:
  - (a) Akta Kawalan Harga, Penggal 142 – Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui melalui Talian Darussalam 123 atau aplikasi PenggunaBijak.
  - (b) Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 – Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui e-mel [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn).

\*\*\*\*\*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi



**PRESS RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**Joint-inspection between JPES and SDT Unit found 5 offences under the Price Control Act, Chapter 142 and no offences under the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151**

---

Date: 20 March 2024

1. Five (5) business premises were found infringing the Price Control Act, Chapter 142 during the monthly joint-inspection by the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through the Department of Consumer Affairs with the Weights and Measure Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE) under the Ministry of Finance and Economy in Tutong District recently.
2. The monthly joint-inspection by DEPS and SDT Unit enforces the Price Control Act, Chapter 142 and the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151, to ensure compliance with the laws. The scope of enforcement of the Price Control Act, Chapter 142 includes ensuring businesses not selling above maximum price for price-controlled items and prices are clearly and accurately displayed. Meanwhile, the enforcement of the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 is to ensure that all weighing machines used for trading purposes are verified, accurate and registered with SDT Unit, in accordance with the regulations.
3. From the joint-operation, DEPS has issued three (3) Warning Notices for selling cooking oil above the maximum price and failure to display prices on some items sold in the business premises. In addition, two (2) business premises were issued compounds of \$500.00 each for non-compliance with the Price Control Act, Chapter 142, as follows:

| No. | Company                               | Offences  |
|-----|---------------------------------------|---|
| 1   | Syarikat Usaha Tasbih Mini Mart       | Section 3B: Selling above the maximum price (cooking oil)                               |
| 2   | Syarikat Osman bin Haji Momin Sdn Bhd | Section 5: Failure to display prices on some of the items found in the business premise |

4. Meanwhile, SDT officers found twenty (20) units of weighing machines used for trading purposes. All weighing machines were found to be verified, accurate and registered in accordance with the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 and Weights and Measures (Verification) Regulations 1994 Chapter 3 (1) and (2).
  
5. Businesses are reminded of their roles in upholding a conducive business environment by conducting their business ethically to enhance consumer confidence, by complying with the Price Control Act, Chapter 142 and the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151.
  
6. Any inquiries can be directed to the following official channels:
  - (a) Price Control Act, Chapter 142 - Department of Consumer Affairs, DEPS via Talian Darussalam 123 or PenggunaBijak app; and
  - (b) Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 – SDT Unit, Industry and Business Ecosystem Division via email: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn)

\*\*\*\*\*

Department of Economic Planning and Statistics  
 Ministry of Finance and Economy